

24 AUG 2002

Mahathir-Sejarah (Bergambar)

PELAJARI SEJARAH, HAYATI MERDEKA UNTUK ELAK DIJAJAH, KATA DR M

PASIR GUDANG, 24 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata para pelajar sekolah perlu mempelajari sejarah tanah air dan menghayati perjuangan serta erti kemerdekaan untuk mengelak daripada mewarisi negara yang dijajah lagi.

Perdana Menteri berkata sejarah amat penting kerana ia menunjukkan dari mana kita berasal, siapa dan ke mana hala tuju masa depan kita.

"Kalau kita tidak mengetahui sejarah kita mungkin akan melakukan kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan sebelum ini...yang menyebabkan kita dijajah selama 450 tahun," katanya ketika menutup Perhimpunan Patriotik Pemimpin Pelajar peringkat kebangsaan 2002 di sini hari ini.

Beliau berkata dalam sejarah negara telah banyak berlaku kesilapan yang kalau diulangi, akan membawa padah.

Pengajaran penting daripada sejarah negara ialah perpecahan antara negeri-negeri Melayu kecil di sebuah Semenanjung yang tidaklah besar dengan penduduknya, walaupun berbangsa Melayu tetapi tidak bersatu padu, telah membolehkan seolah-olah sesiapa sahaja menjajah,, katanya.

Dr Mahathir berkata pelajar merupakan pewaris kepimpinan negara dan satu hari kelak pada merekalah akan terletak tanggungjawab untuk meneruskan segala yang dicapai sekarang dan memajukannya ke tahap yang lebih tinggi.

"Untuk menjadi pemimpin yang boleh memberi khidmat yang baik kepada negara, yang boleh membangunkan negara, amatlah penting bakal pemimpin mengetahui tentang sejarah negara.

"Jika kita tidak tahu sejarah, maka kita tidak tahu dari mana kita datang. Jika kita tidak tahu dari mana kita datang, kita tidak boleh menentukan ke mana kita sedang tuju atau ke mana kita akan pergi," katanya.

Perdana Menteri berkata tanpa mengetahui sejarah negara mungkin pemimpin di masa depan percaya mereka sedang mara ke hadapan tetapi sebenarnya mereka sedang membawa negara mundur ke belakang kerana mereka tidak tahu yang mana belakang dan yang mana depan.

Memetik kata pujangga, beliau berkata mereka yang lupakan sejarah akan didera dengan mengulangi segala kesalahan itu berkali-kali.

Dr Mahathir mengingatkan tentang bahaya anggapan bahawa disebabkan Malaysia merdeka, negara akan terus merdeka tanpa usaha bersungguh-sungguh untuk mempertahankan kemerdekaan itu.

Beliau berkata generasi muda yang tidak pernah dijajah, kecuali hanya membaca mengenainya dalam buku teks sebagai cerita yang tidak membawa makna, mungkin akan menganggap perjuangan mendapatkan kemerdekaan sebagai perkara biasa yang tidak perlu dipertahankan.

"Ini adalah salah. Kita perlu sedar dan insaf tentang kedudukan kita... jika kita sedar dan menghargai kebebasan kita, maka kita perlu membuat persediaan untuk menangkis serangan ke atas negara kita untuk menentukan negara kita tidak akan dijajah sekali lagi," tegasnya.

Beliau berkata generasi yang akan mewarisi negara ini bukan saja patut mempelajari sejarah dan pengajarannya tetapi juga melengkapkan diri dengan segala ilmu untuk menjadikan bangsa Malaysia kuat dan mampu mempertahankan negara.

Dengan ilmu itu membolehkan rakyat mencipta, antara lain, segala peralatan perang sendiri kerana tidak ada orang lain akan menjual senjata canggih yang boleh menewaskan mereka, kecuali Malaysia sendiri mengeluarkannya untuk mempertahankan negara.

Dr Mahathir yang kelihatan gembira berucap kepada para pelajar sekolah menengah yang memenuhi stadium tertutup itu, berkata sempena hari kebangsaan pada 31 Ogos, setiap orang perlu menyambutnya dengan memperbaharui keazaman untuk mengekalkan kemerdekaan negara.

Beliau berkata dengan mengambil pengajaran daripada sejarah, semua kaum di Malaysia yang menganggap Malaysia negara mereka, mestilah bersatu padu dan membekalkan diri dengan kebolehan untuk bersama-sama mempertahankan negara yang dicintai ini.

"Kita mungkin berasal dari banyak negara lain... tetapi negara kita ialah Malaysia dan kita ialah orang Malaysia," katanya.

Sambil mengingatkan rakyat supaya menghargai sikap toleransi dan mengenyepikan sifat perkauman, beliau meminta mereka mengutamakan persamaan antara kaum supaya dapat dipereratkan perpaduan bangsa Malaysia.

"Tidak ada siapa yang akan mempertahankan negara kita bagi kita... kita sajalah yang bertanggungjawab mempertahankan negara kita," katanya sambil menegaskan bahawa perpaduan kaum biarlah bermula dari peringkat sekolah dan universiti.

Perdana Menteri yakin jika rakyat Malaysia yang berbilang kaum terus bersatu dan memiliki ilmu pengetahuan terkini, Malaysia akan terus merdeka dan bebas.

-- BERNAMA

MNY RON